



PELAN STRATEGIK

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
(JPS)
MALAYSIA

2021-2025

**PELAN STRATEGIK
JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN (JPS) MALAYSIA
2021 - 2025**










**JABATAN PENGAIRAN
DAN SALIRAN MALAYSIA**


Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Kuala Lumpur

Edisi pertama
Cetakan pertama 2021
© Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, 2021

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbit semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit dahulu.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin,
50626 Kuala Lumpur.
 +603 2616 1500
 +603 2697 2411, 2585 2412
 pro@water.gov.my
 <http://www.water.gov.my>
 www.facebook.com/JabatanPengairandanSaliranMalaysia
 www.instagram.com/jpsmalaysia
 twitter.com/DID_Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Malaysia.
Jabatan Pengairan dan Saliran.
PELAN STRATEGIK JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) MALAYSIA
2021-2025 / Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia.
ISBN 978-983-9304-75-6
1. Malaysia. Jabatan Pengairan dan Saliran--Planning--2021-2025.
2. Drainage--Aims and objectives--Malaysia.
3. Irrigation--Aims and objectives--Malaysia.
4. Drainage--Planning--Malaysia.
5. Irrigation--Planning--Malaysia.
6. Government publications--Malaysia.
I. Judul.
354.36709595

The background of the page features a vibrant water splash. The top half is a soft, out-of-focus gradient of green and yellow, while the bottom half shows a close-up of dark blue water with white foam and droplets in motion. The text is centered in the upper-middle section.

Hakcipta
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbit semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia;
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

KANDUNGAN

Perutusan Menteri Alam Sekitar dan Air	i
Perutusan Ketua Setiausaha KASA	ii
Perutusan Ketua Pengarah JPS	iii
Ringkasan Eksekutif	iv

BAHAGIAN 1 : Pendahuluan 1

Pengenalan	4
Latar Belakang Agensi	5
Struktur Organisasi	7
Pelan Strategik KASA 2020-2030	8

BAHAGIAN 2 : Hala Tuju Strategik 10

Hala Tuju Strategik	11
---------------------	----

BAHAGIAN 3 : Strategi & Formulasi Tindakan 12

Teras Strategik 1	17
Teras Strategik 2	29
Teras Strategik 3	39
Teras Strategik 4	54
Teras Strategik 5	62

BAHAGIAN 4 : Pemantauan dan Pelaksanaan 69

Mekanisma Pemantauan dan Pelaksanaan	70
Singkatan dan Akronim	71
Penghargaan : Ahli <i>Task Force</i>	74

PERUTUSAN

Menteri Alam Sekitar Dan Air

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Ketua Pengarah dan warga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kerana telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik JPS bagi tahun 2021-2025. Saya yakin penerbitan dokumen ini akan memberikan hala tuju JPS yang jelas, membentuk budaya kerja JPS yang berprestasi tinggi, berintegriti, serta mengutamakan rakyat selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) 2020-2030, serta dasar-dasar semasa Kerajaan seperti Transformasi Sektor Air, dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Cabaran semasa seperti perubahan iklim, bencana alam, ketidaktentuan ekonomi dunia memerlukan jabatan teknikal seperti JPS untuk lebih kreatif dan inovatif menangani isu berkaitan air dan alam sekitar di peringkat domestik dan antarabangsa. Saya berharap Pelan Strategik JPS ini akan menjadi dokumen rujukan penting dalam perancangan Jabatan merencana projek dan program sepanjang tempoh lima tahun akan datang.

Di akhir bicara, saya menyeru agar warga JPS dapat menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan penuh komitmen dan iltizam untuk muncul sebagai sebuah jabatan teknikal yang unggul dalam menguruskan sumber air negara.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man



PERUTUSAN

Ketua Setiausaha Alam Sekitar Dan Air

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat serta limpah kurnia-Nya, Jabatan Pengairan dan Saliran telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik JPS 2021–2025. Penerbitan dokumen ini adalah penting dalam membantu JPS untuk merealisasikan visi dan misi Jabatan serta menetapkan hala tuju dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan untuk memacu pembangunan negara. Ianya menjadi lebih penting lagi kerana berupaya menyokong Pelan Strategik KASA 2020–2030.

Sebagai sebuah jabatan teknikal negara, JPS berperanan memastikan agar pengurusan sumber air serta perancangan melestarikan alam sekitar bergerak seiring dengan arus perubahan global. JPS perlu memberikan perhatian kepada pendekatan kreatif dalam menguruskan sumber (*resource management*). Pengurusan sumber kewangan yang cekap dan pengurusan sumber manusia yang kompeten dapat merealisasikan perancangan projek fizikal dan bukan fizikal, serta program jabatan selain mampu meningkatkan daya saing negara dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, ekspektasi pelanggan juga perlu diteliti dalam memastikan kualiti hidup rakyat ditingkatkan serta menjamin kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang.

Akhir kata, saya berharap pelan strategik yang komprehensif ini akan memberikan panduan kepada JPS untuk merangka strategi dan program untuk tempoh lima tahun akan datang. Syabas dan Tahniyah kepada Ketua Pengarah dan semua warga JPS yang terlibat dalam penerbitan dokumen Pelan Strategik JPS 2021–2025 ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang



PERUTUSAN

Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan Dan Saliran

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah saya sangat bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya JPS telah berjaya menerbitkan Pelan Strategik JPS 2021-2025. Ucapan tahniah dan jutaan terima kasih kepada ahli *Task Force* Pelan Strategik JPS 2021-2025 dan warga kerja JPS yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan Pelan Strategik ini. Dokumen ini dihasilkan bagi mengangkat JPS sebagai Peneraju Kejuruteraan Sumber Air bagi Memacu Ekonomi Negara.

Menerusi Pelan Strategik ini juga, JPS akan mengambilkira elemen alam sekitar bagi meraih kemajuan ekonomi. Oleh kerana biodiversiti menyumbang kepada ekonomi negara secara langsung dan tidak langsung, alam semulajadi perlulah dipelihara sebaiknya dalam pelaksanaan projek pembangunan yang akan datang. Pengetahuan alam sekitar yang lebih mendalam akan memandu ke arah penyelesaian kejuruteraan yang bukan hanya mengurangkan kesan bencana, namun turut meningkatkan keupayaan proses pemuliharaan. Selaras dengan itu, JPS menekankan strategi *overarching* melalui empat (4) konsep utama dalam pembangunan infrastruktur iaitu ***Building with Nature, Bring Back the Beaches, Make Room for Water and Creating for Resilience***. Strategi pembinaan yang mesra alam, mampan, berdaya tahan dan mengambilkira aspek alam sekitar perlu untuk projek pembangunan infrastruktur sumber air. Seterusnya, memfokuskan kepada perancangan infrastruktur sungai dan pantai yang mesra alam, ekonomi dan mempertingkatkan aktiviti sosial. Dari segi pengurusan bencana, JPS menekankan ramalan awal bencana air yang lebih cekap dan berkesan bagi pengurangan risiko banjir dan dalam masa yang sama dapat mengoptimumkan air banjir sebagai sumber alternatif.

Akhir kata, diharapkan melalui pendekatan Pelan Strategik yang bersepadu ini akan membawa JPS ke satu tahap yang lebih cemerlang dan terbilang sebagai Peneraju Kejuruteraan Sumber Air bagi Memacu Ekonomi Negara dengan adanya sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap serta berkualiti demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd. Ghazali




RINGKASAN EKSEKUTIF

Dokumen Pelan Strategik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2021 – 2025 merupakan perancangan strategik jangka panjang JPS merangkumi hala tuju, bidang fokus dan pelan tindakan bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan ini merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik JPS 2016 – 2020. Ianya digubal selaras dengan teras dan strategi Transformasi Sektor Air dan juga mengambilkira Pelan Strategik KASA (2020–2030). Teras utama kementerian yang terlibat dengan jabatan adalah di bawah teras Pengukuhan Governan, Kerjasama Strategik dan Keterangkuman Sosial. Penetapan teras strategik JPS telah mengambilkira semua program yang disenaraikan di dalam Pelan Strategik KASA (2020–2030). Lima (5) Teras Pelan Strategik JPS 2021–2025 adalah seperti berikut:



Sebanyak lapan belas (18) Strategi telah dikenal pasti bagi menjayakan lima (5) Teras Strategik. Strategi-strategi ini meliputi tindakan memperkukuhkan peringkat perancangan serta memperkasakan dasar dan perundangan sumber air, memperkasakan perkhidmatan kejuruteraan dan mempertingkatkan penyampaian ketepatan maklumat, membangunkan kepakaran teknikal dan modal insan ke arah organisasi yang cemerlang serta mempertingkatkan penglibatan pelanggan dan pihak berkepentingan.

Pelaksanaan pelan strategik ini akan dipantau secara berkala melalui mekanisme yang telah ditetapkan. Sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut, penilaian kajian semula atau kajian separuh penggal akan dilaksanakan bagi menentukan strategi, program, sasaran dan tahap pencapaian sasaran yang berkesan dan relevan.

A close-up photograph of a hand watering a small green seedling. The hand is positioned at the top, with water droplets falling from the fingers. The seedling is growing out of a mound of dark soil, and a water droplet is also visible on one of its leaves. The background is a soft, out-of-focus green.

BAHAGIAN 1: Pendahuluan

Framework Pelan Strategik JPS, 2021-2025

Hala Tuju Jabatan 2021 - 2025

LATAR BELAKANG 1

Mengambil kira Transformasi Sektor Air, Pelan Strategik KASA, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Dasar Sumber Air Negara (DSAN) dan Penguatkuasaan Arahan Perbendaharaan (AP182)

3 PENETAPAN VISI DAN MISI



VISI

Peneraju perkhidmatan kejuruteraan sumber air bagi memacu pembangunan ekonomi negara

MISI

Melindungi dan mengurus sumber air untuk kelestarian ekonomi, alam sekitar dan kualiti hidup

4 KONSEP PELAKSANAAN FUNGSI JABATAN 2

- BUILDING WITH NATURE
- BRING BACK THE BEACHES
- MAKE ROOM FOR WATER
- CREATING FOR RESILIENCE



4 NILAI KORPORAT

- INTEGRITI
- AKAUNTABILITI
- PROFESIONALISME

STRATEGI TERAS-TERAS UTAMA 5

- Memperkuhkan Jaminan Pengurusan Sumber Air untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara
- Memperkasakan Perkhidmatan Kejuruteraan dalam Pengurangan Risiko Bencana berkaitan Air
- Memperkasakan Kepakaran Teknikal untuk Memberikan Perkhidmatan Kejuruteraan yang Cemerlang
- Membudayakan Perkhidmatan Berintegriti, Berkualiti dan Efektif ke Arah Kecemerlangan Organisasi

TERAS 1	4 Strategi 19 Pelan Tindakan
TERAS 2	4 Strategi 22 Pelan Tindakan
TERAS 3	3 Strategi 24 Pelan Tindakan
TERAS 4	4 Strategi 14 Pelan Tindakan
TERAS 5	3 Strategi 9 Pelan Tindakan

Meningkatkan Keterangkuman Sosial

Penghasilan Pelan Strategik JPS ini akan meningkatkan tahap kesejahteraan alam dan bagi memacu pembangunan ekonomi

KESIMPULAN 6



PENGENALAN

Pelan Strategik JPS 2021 – 2025 secara umumnya akan memberikan gambaran secara menyeluruh tentang perancangan strategik JPS dalam tempoh lima (5) tahun yang mengandungi latar belakang Jabatan, hala tuju strategik yang dirancang dan pelan tindakan untuk memastikan visi dan misi Jabatan tercapai.

Pelan strategik ini digubal meliputi aspek dalaman dan luaran berdasarkan penilaian semasa dan pencapaian yang lepas serta cabaran yang akan datang. Hasil daripada penilaian tersebut kemudiannya dibandingkan dengan penanda aras di peringkat kementerian, kebangsaan dan juga antarabangsa dalam membangunkan teras-teras strategik yang ingin dicapai.

Pelan Strategik JPS 2021 – 2025 ini juga telah dibangunkan seiring dengan dasar-dasar dan pelan perancangan kerajaan sedia ada iaitu Transformasi Sektor Air 2040, Pelan Strategik Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) 2020–2030, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Dasar Sumber Air Negara (DSAN), Penguatkuasaan Arah Perbendaharaan (API82) dan lain-lain dasar Kerajaan berkaitan. Jabatan Pengairan dan Saliran selaku agensi teknikal utama negara dalam bidang kejuruteraan air telah diberi mandat dan tanggungjawab untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur dan pengurusan sumber air negara di mana peranan penglibatannya secara menyeluruh bermula dari peringkat merancang, merekabentuk dan seterusnya memastikan projek dapat dibina serta disiapkan dengan jayanya. Bagi mencapai pembangunan yang mampan, dokumen ini selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan dalam *Sustainable Development Goals (SDG)*.

Dokumen Pelan Strategik ini sangat penting sebagai panduan kepada JPS bagi melaksanakan agenda organisasi secara sistematik dan berkesan berdasarkan teras dan strategi yang telah ditetapkan serta menjadi rujukan kepada pelanggan dan pihak berkepentingan.

Harapan dengan terhasilnya dokumen ini, penetapan beberapa lonjakan, strategi dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilihat sebagai usaha yang murni dan akan meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber air negara melalui pendekatan yang bersepadu dan menambahbaik kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar.


LATAR BELAKANG AGENSI

TAHUN	PERISTIWA
1913	Satu cawangan yang dinamakan Cawangan Taliair telah ditubuhkan di Jabatan Kerja Raya (JKR).
1920	Dirombak semula dan dinamakan Cawangan Hidraulik, JKR.
1927	JKR disusun semula. Diberi kakitangan tambahan untuk melakukan kerja-kerja pemeliharaan sungai dan membantu projek bekalan air minuman dan pengairan.
1930	Perbincangan perlunya sebuah jabatan berasingan untuk menjayakan kerja-kerja pengairan dan saliran.
1930	Kerajaan membentuk Jawatankuasa Penanaman Padi.
1931	Jawatankuasa menyerahkan laporan tentang perlunya menubuhkan sebuah agensi yang bertanggungjawab dengan masalah pembangunan air daratan.
1932	Terbentuk satu jabatan baru yang dinamakan Jabatan Parit dan Tali Air (JPT). Tiga fungsi utama JPT adalah pengairan, saliran pertanian dan pemeliharaan sungai. JPT mengambil alih tugas memelihara sungai dan pencegahan banjir dari Cawangan Hidraulik, JKR. JPT beribu pejabat di Bangunan Sulaiman, KL.
1961	JPT berpindah ke Jalan Sultan Salahuddin.
1971	Banjir besar di Kuala Lumpur dan merosakkan banyak harta benda.
1972	Pencegahan banjir dan hidrologi dimasukkan dalam bidang tugas utama JPT. Bahagian Hidrologi ditubuhkan.
1986	Cawangan Kejuruteraan Pantai ditubuhkan.
1988	Persidangan Sungai dan Pengurusan Sungai diadakan dan perbincangan berikutnya oleh Jawatankuasa Bertindak Khas dan Pengurusan maka Bahagian Kejuruteraan Sungai ditubuhkan (1990).
1989	15 Mac, JPT bertukar nama menjadi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
1990	Bahagian Kejuruteraan Sungai ditubuhkan.

TAHUN	PERISTIWA
1992	JPS melancarkan logo baru.
1993	Pelancaran Kempen Cintailah Sungai Kita. Pelancaran Program 10-Tahun Pembersihan Sg. Klang
2000	Bidang tugas utama JPS dirombak semula. Terdiri daripada 5 Bahagian (Saliran Bandar, Tebatan Banjir, Sungai dan Pantai & Hidrologi dan Sumber Air). Bahagian sokongan dibentuk.
2004	27 Mac, berpindah Kementerian dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.
2005	1 September, Penstrukturan semula Jabatan Pengairan dan Saliran diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2007	Sambutan 75 tahun JPS.
2009	1 Ogos, Penstrukturan semula Jabatan Pengairan dan Saliran untuk Fasa 1 yang melibatkan Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Negeri diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2011	Visi dan Misi baharu JPS dilancarkan.
2016	Pelan Strategik 2016–2020 dilancarkan termasuk Misi & Visi baharu JPS.
2017	1 Mac, pelancaran pengoperasian pertama bagi Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN). Julai, Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Empangan Malaysia (<i>MyDAMS - Malaysia Dam Safety Management Guidelines</i>) dilancarkan.
2018	Berpindah Kementerian dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) ke Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS).
2020	Mac, berpindah Kementerian dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) ke Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).
2021	Sebahagian JPS berpindah ke Putrajaya. Pelan Strategik 2021–2025 dilancarkan termasuk Misi & Visi baharu JPS.



CARTA ORGANISASI JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR



PELAN STRATEGIK KASA 2020-2030

	2020	2023	2025	2030
1 SUNGAI BERSIH (Kenalpastikan dalam %)	357 sungai bersih	5%	10%	25%
2 KUALITI UDARA (Pengurangan 1/3 dari tahap pada tahun 2020, dengan purata kepekatan tahunan PM2.5 $\mu\text{g}/\text{m}^3$)	25 $\mu\text{g}/\text{m}^3$	25%	10%	5%
3 INDEKS PRESTASI ALAM SEKITAR MALAYSIA (MyEPI) (Peringkat penyelesaian)	Permulaan	Kerangka dan indikator MyEPI dibangunkan	MyEPI siap dibangunkan	
4 PENUBUHAN SURUHANJAYA ALAM SEKITAR MALAYSIA (Peringkat penyelesaian)	Konsep	Kerangka undang-undang	Beroperasi	
5 KEBERKESANAN PERKHIDMATAN METEOROLOGI DALAM GEOFIKSIK (Kecekapan dalam %)	75% cekap	80%	85%	90%
6 KECEKAPAN AIR a) Air Tidak Terhasil (nsw) (Air terawak yang hilang dalam %)	35% air terawak yang hilang	32%	25%	20%
b) Penggunaan Air Domestik (liter/kapita/hari)	235 liter/kapita/hari	190 Lkh	180 Lkh	160 Lkh
7 RIZAB MARGIN AIR TERAWAT (Rizab margin dalam %)	13% rizab margin	13.5%	15%	20%
8 KEMAMPUAN KEWANGAN a) Bilangan air (bilangan operator air)	4 operator air	6	7	10
b) Pembangunan (Permulaan perbekalan operasi (CAPEX) dalam %)	83% OPEX	87%	90%	100%
9 PERKHIDMATAN PEMETUNGAN BERSAMBUNG BANDAR (Pensuduk yang ditampung dalam %)	78% pensuduk yang ditampung	80%	85%	95%
10 AIR PULIH GIJLA (Auto liter/sehari)	<math>< 5</math> juta liter/sehari	50 jlh	150 jlh	1,500 jlh
11 PENUBUHAN PUSAT OHG KEBANGSAAN (Fasa penyelesaian dalam %)	20%	80%	90%	100%
12 PENGURUSAN RISIKO BANJIR (Bilangan pensuduk yang dilindungi)	1.6 juta orang yang dilindungi	2.0 juta	2.5 juta	3.0 juta
13 PEMATUHAN PARIS AGREEMENT / PENCAPAIAN NATIONALLY DETERMINED CONTRIBUTION (NDC) (Pencapaian dalam %)	10%	70%	80%	100%
14 HALATUJU INOVASI AIR KEBANGSAAN (2021-2040) a) Penjaminan Dana Kerajaan (Penjaminan dalam RM)	Permulaan	RM33.6M	RM56M	RM336M
b) Penjaminan Ekonomi (RM)	Permulaan	RM90M	RM320M	RM1.98B
c) Peluang Pekerjaan (Peluang pekerjaan)	Permulaan	20,000 peluang pekerjaan	30,000	180,000
15 SUMBER AIR ALTERNATIF a) Uad Hujan (Sistem Penyaliran Hujan) (Auto liter/sehari)	<math>< 1</math> juta liter/sehari	3 jlh	10 jlh	100 jlh
b) Air Tanah (Auto liter/sehari)	<math>< 1</math> juta liter/sehari	100 jlh	500 jlh	3,000 jlh
16 HARGA AIR MENTAH (Iputan)	Hasil Kerajaan Negeri	Dalam negeri	Antara negeri	Antarabangsa
17 KERANGKA KERJA BIKESELAMATAN KEBANGSAAN (Peringkat penyelesaian dalam %)	Permulaan	80%	90%	100%

(Dikemaskini Mei 2021)

KELESTARIAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA 2020 - 2030

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menerajui usaha ke arah Malaysia Lestari 2030. Pada dasarnya, 30 inisiatif dibangunkan berteraskan empat tunjang utama; pengukuhan governan, pertumbuhan hijau, kolaborasi strategik dan keterangkuman sosial; meliputi atmosfera (udara), hidrosfera (air), litosfera (darat) dan biosfera (makhluq hidup). Disebabkan kebergantungan kita kepada sumber semulajadi, kami merancang secara kolaboratif untuk meningkatkan tahap kesejahteraan alam.

YB Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man Menteri KASA

YB Senator Dato' Dr Ahmad Muzail bin Muhammad Timbalan Menteri KASA

YB Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Usang Ketua Setiausaha KASA

PERTUMBUHAN HIJAU

	2020	2023	2025	2030
18 EKONOMI HIJAU (Keluaran Dalam Negara Kasa)	RM20bil KDNK	RM50bil	RM70bil	RM100bil
19 PERKERJAAN HIJAU (Peluang pekerjaan)	145,000 peluang pekerjaan	160,000	180,000	222,000
20 PRODUK DAN SERVIS MyHIJAU MARK (Bilangan produk dan servis)	5,000 produk dan servis	15,000	25,000	50,000
21 PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN (Keluaran Dalam Negara Kosar dalam %)	20%	40%	50%	100%
22 PERLINDUNGAN KAWASAN PANTAI RENTAN (Panjang pantai dalam kilometer)	<math>< 2</math> km	15 km	24 km	30 km
23 PELAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (Bilangan kajian yang selesai)	18%	49%	79%	100%
24 INOVASI TEKNOLOGI HIJAU (Pencapaian sasaran dalam %)	5%	30%	50%	100%
25 AMALAN BANGUNAN HIJAU (Bilangan organisasi)	2 (KASA & MGTG)	27 Kementerian	14 Negeri	154 Perbandaran
26 PENUBUHAN FASILITI 'KEKAYAAN DASR' SISA' (Bilangan fasiliti)	2 fasiliti baru	3	4	5
27 PELAN HALATUJU MALAYSIA SIFAR PLASTIK SEKALI GIJLA (2018-2030) (Program / Aktiviti)	Draf Circular Economy Roadmap for Plastics	Caj pencemaran dilaksanakan di seluruh negeri	Voluntary Extended Product Responsibility (EPR) dilaksanakan sepenuhnya	Mandatory EPR dilaksanakan sepenuhnya
28 DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (Panjang denai dalam kilometer)	220km	1,000 km	5,000 km	10,000 km
29 KADAR KITAR SEMULA TERJADUAL (Peningkatan kadar 2020 dalam %)	17% kadar kitar semula	30%	35%	50%
30 PENUBUHAN YAYASAN KELESTARIAN MALAYSIA MyAlam (Peringkat penyelesaian)	MyAlam	Beroperasi	Penubuhan Aimanah Alam Sekitar Negara	

KERJASAMA STRATEGIK

KETERANGKUMAN SOSIAL

Disediakan oleh:
Unit Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa, KASA (Julai 2020)
Untuk maklumat lanjut, hubungi kami di upsha@kasa.gov.my


HALA TUJU JABATAN






BAHAGIAN 2: Hala Tuju Strategik


HALA TUJU STRATEGIK





BAHAGIAN 3: Strategi & Formulasi Tindakan

TERAS STRATEGIK





STRATEGI TERAS-TERAS UTAMA

TERAS
1

Memperkukuhkan Jaminan Pengurusan Sumber Air untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara.

TERAS
2

Memperkasakan Perkhidmatan Kejuruteraan dalam Pengurangan Risiko Bencana Berkaitan Air.

TERAS
3

Memperkasakan Kepakaran Teknikal untuk Memberikan Perkhidmatan Kejuruteraan yang Cemerlang.

TERAS
4

Membudayakan Perkhidmatan Berintegriti, Berkualiti dan Efektif ke Arah Kecemerlangan Organisasi.

TERAS
5

Meningkatkan Keterangkuman Sosial.

4

STRATEGI

- ▶ Memantapkan pengurusan lembangan sungai bagi kecukupan sumber air bersih.
- ▶ Meningkatkan *resilience* terhadap risiko banjir dan bencana air.
- ▶ Meningkatkan pemuliharaan alam sekitar & biodiversiti berasaskan *building with nature*.
- ▶ Memperkukuhkan pengurusan dan pembangunan zon pantai dan muara sungai berasaskan *bring back the beaches*.

19
PELAN
TINDAKAN

4

STRATEGI

- ▶ Memperkukuhkan perkhidmatan kejuruteraan dalam bidang berkaitan bencana air.
- ▶ Memperkukuhkan perkhidmatan dalam pengurusan kelestarian air dan alam sekitar.
- ▶ Memperkukuhkan pengurusan dan keselamatan infrastruktur air dan empangan.
- ▶ Mempertingkatkan ketepatan maklumat bagi kelestarian pembangunan infrastruktur dan alam sekitar.

22
PELAN
TINDAKAN

3

STRATEGI

- ▶ Mempertingkatkan kepakaran kejuruteraan warga JPS.
- ▶ Memperkukuhkan pengurusan modal insan ke arah kecemerlangan dan lebih kompeten.
- ▶ Memperkukuhkan penyampaian dan pengurusan projek yang cekap dan berkesan.

24
PELAN
TINDAKAN

4

STRATEGI

- ▶ Memperkasakan kecemerlangan organisasi melalui pembudayaan nilai-nilai murni.
- ▶ Mempertingkatkan penerokaan dan mengadaptasikan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui serta inovasi terkini dalam pengurangan risiko bencana.
- ▶ Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.
- ▶ Memperkukuhkan Pelan Perkhidmatan Jabatan.

14
PELAN
TINDAKAN

3

STRATEGI

- ▶ Melaksanakan program kesedaran, sokongan, dan pembangunan kapasiti (AACB) yang komprehensif.
- ▶ Mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus bagi kelestarian alam sekitar.
- ▶ Memperkukuhkan kolaborasi strategik domestik dan antarabangsa.

9
PELAN
TINDAKAN



TERAS STRATEGIK

**Memperkukuhkan Jaminan
Pengurusan Sumber Air Untuk
Memacu Pertumbuhan
Ekonomi Negara.**

TERAS STRATEGIK 1

Memperkuhkan Jaminan Pengurusan Sumber Air Untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara.

Dalam Memperkuhkan Jaminan Pengurusan Sumber Air untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara, empat (4) strategi telah digariskan di bawah Teras Strategik 1 (TS1) yang meliputi Memperkuhkan Pengurusan Lembangan Sungai bagi Kecukupan Sumber Air Bersih, Meningkatkan *Resilience* terhadap Risiko Banjir dan Bencana Air, Meningkatkan Pemuliharaan Alam Sekitar dan Biodiversiti berasaskan *Building with Nature*, dan Memperkuhkan Pengurusan dan Pembangunan Zon Pantai dan Muara Sungai berasaskan *Bring Back the Beaches*.

Teras ini menyediakan platform untuk memperkasakan peringkat perancangan sumber air yang melibatkan penggubalan dasar, garis panduan, kajian, keseragaman amalan dengan memperkemaskan piawaian, kaedah dan pendekatan di peringkat merekabentuk untuk memastikan jaminan pengurusan sumber air dari segi kualiti dan kuantitinya terjamin bagi kelestarian alam sekitar. Pengurusan sumber air ini adalah penting bagi membantu ke arah kemampunan pembangunan ekonomi Negara. Semua strategi yang menyokong teras ini adalah selaras dengan pendekatan dan objektif Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) iaitu bagi Memastikan Air Mencukupi, Memastikan Air Bersih, Mengurangkan Risiko Banjir, dan Meningkatkan Pemuliharaan Alam Sekitar. Pelan guna tanah, pembangunan dan pengurusan sumber air yang bersepadu adalah sangat penting untuk kejayaan ekonomi negara kita. Justeru, Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) telah diadaptasi sebagai suatu kaedah pengurusan sumber air di Malaysia. Ianya membincangkan potensi ancaman yang timbul jika sumber air adalah berlebihan atau berkurangan di sesebuah lembangan. Seterusnya, teras ini akan memberikan sumbangan yang besar kepada aspirasi kita ke arah *Sustainable Development Goals*.

Pelaksanaan perancangan di bawah empat (4) strategi di bawah teras ini menekankan pendekatan *overarching* JPS melalui empat (4) konsep utama dalam pembangunan perancangan infrastruktur iaitu ***Building with Nature***, ***Bring Back the Beaches***, ***Make Room for Water*** dan ***Creating for Resilience***. Seterusnya teras ini juga adalah selari dengan hala tuju kementerian yang memfokuskan kepada Kesejahteraan Alam (***Planetary Health***).

1

Melalui strategi pertama, iaitu Memperkukuhkan Pengurusan Lembangan Sungai bagi Kecukupan Sumber Air Bersih memfokuskan kepada pengurusan sumber air negara secara holistik bagi memastikan kelangsungan sumber air yang mencukupi dan bersih kepada kehidupan dan alam sekitar. Pengurusan sumber air yang cekap dan efisien juga dapat membantu Negara dalam merealisasikan pembangunan yang mampan dan lestari demi kesejahteraan rakyat seterusnya membantu melonjak peningkatan ekonomi Negara. Melalui strategi ini, semua program yang difokuskan mengambilkira pengurusan lembangan sungai, pengurusan sumber air sedia ada dan mengoptimumkan sumber air alternatif yang berpotensi serta membantu mengimbangi sumber air mengikut keperluan semasa bagi memastikan air mencukupi dari segi kualiti dan kuantitinya sepanjang tahun demi kesejahteraan sejagat. Sumber air perlu dijamin untuk memastikan kebolehdapatannya bagi memenuhi keperluan dan permintaan manusia dan alam, dengan mengoptimumkan potensinya dan meminimumkan impak yang merosakkan.

Manakala strategi kedua, iaitu Meningkatkan *Resilience* terhadap Risiko Banjir dan Bencana Air menitikberatkan perancangan yang teliti melalui kajian-kajian yang dijalankan bagi mengurangkan risiko banjir serta melindungi kemusnahan harta benda dan nyawa serta alam sekitar. Melalui strategi ini juga JPS telah membangunkan pengurusan bencana yang menekankan ramalan awal bencana air yang lebih cekap dan berkesan yang mana akan dapat mengurangkan kemusnahan harta benda. Selain itu, perancangan di bawah strategi ini juga perlu berkonsepkan *Make Room for Water* bagi mengawal aliran sungai pada musim monsun daripada melimpah ke kawasan penduduk dan pada masa yang sama takungan ini juga dapat mengoptimumkan air banjir sebagai sumber air alternatif kepada sesuatu lembangan. Selain itu, garis panduan dan draf kerangka undang-undang berkaitan keselamatan empangan dan kapasiti empangan juga akan dikaji di bawah strategi ini untuk melihat potensi usaha-usaha untuk menaiktaraf kapasiti sedia ada atau mengembalikan kapasiti asal empangan jika telah terjejas dengan aktiviti persekitaran kawasan tadahan air.

2

3

Seterusnya strategi ketiga adalah Meningkatkan Pemuliharaan Alam Sekitar dan Biodiversiti berasaskan *Building with Nature* lebih memfokuskan kepada program-program yang bersifat pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi memastikan kebergantungan manusia kepada alam sekitar lebih seimbang demi menjamin kesejahteraan alam. Setiap perancangan di dalam teras ini perlulah menitikberatkan pendekatan struktur yang mesra alam agar kemusnahan alam sekitar dapat dikawal selari dengan pembangunan Negara. Manakala pendekatan bukan struktur seperti memperkasakan governan dan mengkaji semula dasar, undang-undang serta penguatkuasaan mengenai pengurusan ke arah kelestarian alam sekitar juga digariskan dalam strategi ini.

Strategi keempat pula iaitu Memperkukuhkan Pengurusan dan Pembangunan Zon Pantai dan Muara Sungai berasaskan *Bring Back the Beaches*. Antara program-program telah dikenalpasti untuk mencapai intipati strategi ini adalah penyediaan dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Garis Pantai Bersepadu (ISMP) dan program pemantauan dan ramalan air pasang surut dan penerobosan air masin di kuala sungai. Melalui strategi ini, JPS berhasrat agar Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) dijadikan rujukan asas perancangan pembangunan zon pantai semua negeri. Pendekatan *Bring Back the Beaches* dititik beratkan agar perancangan pemuliharaan pantai yang terjejas lebih bersifat mesra alam bagi memastikan keindahan dan biodiversiti pantai dapat dikembalikan dan dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat seterusnya meningkatkan ekonomi Negara dalam industri pelancongan dan sebagainya.

4

Teras Strategik 1

Memperkuhkan Jaminan Pengurusan Sumber Air untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara.

Strategi 1 : Memantapkan Pengurusan Lembangan Sungai bagi Kecukupan Sumber Air Bersih.

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
1.	Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu Integrated River Basin Management (IRBM)				
	a. Penyediaan Pelan IRBM.	Peratusan Kumulatif Penyiapan Kajian	79% (25 Pelan IRBM)	2021 - 30% 2022 - 35% 2023 - 49% 2024 - 67% 2025 - 79%	BPLS
	b. Penyerahan Pelan IRBM kepada Kerajaan Negeri.	Bilangan Penyerahan	21 Penyerahan	2021 - 6 Pelan 2022 - 7 Pelan 2024 - 4 Pelan 2025 - 4 Pelan	BPLS
2.	Semakan Semula Garis Panduan :				
	a. Garis Panduan Pengambilan Pasir Sungai.	Bilangan Garis Panduan	1 Garis Panduan	2022	BPLS
3.	Melaksanakan Kajian :				
	a. Sumber Air Alternatif untuk Kawasan Pertanian.	Bilangan Jelapang	9 Jelapang	2023 - 3 Jelapang 2024 - 3 Jelapang 2025 - 3 Jelapang	BPSP

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
	b. Kecekapan Pengairan dan Saliran Pertanian.	Bilangan Kajian	3 Kajian	2023 - 1 Kajian 2024 - 2 Kajian	BPSP
	c. Kapasiti Keupayaan Sungai (<i>River Carrying Capacity</i>).	Bilangan Kajian	8 Kajian	2024 - 4 Kajian 2025 - 4 Kajian	BPLS
4.	Semakan dan Penambahbaikan ke atas Akta :				
	a. Akta Kawasan Pengairan 1953.	Kertas Permohonan Penambahbaikan Akta	1 Kertas	2022	BKOR
	b. Akta Kerja Saliran 1954.	Kertas Permohonan Penambahbaikan Akta	1 Kertas	2022	BKOR

Teras Strategik 1

Memperkuhkan Jaminan Pengurusan Sumber Air untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara.

Strategi 2 : Meningkatkan *Resilience* Terhadap Risiko Banjir dan Bencana Air .

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
1.	Menyediakan Pelan Induk a. Rangkaian Stesen Hidrologi Negara.	Bilangan Pelan Induk	1 Pelan Induk	2023	BPSAH
		Bilangan Prosedur Hidrologi	1 Prosedur Hidrologi	2024	
2.	Melaksanakan Kajian : a. Pemeriksaan Tahap Risiko bagi 200 Struktur Hidraulik (i.e <i>extreme, high risk, moderate, low risk</i>). b. <i>Formal Safety Inspection (FSI)</i> . c. <i>Feasibility/ Detailed Design</i> bagi Pembinaan Empangan Lebir, Kelantan. d. Kebolehsanaan untuk Meningkatkan Kapasiti Empangan Sembrong, Johor.	Bilangan Kajian	1 Kajian	2024	BRE
		Bilangan Kajian	4 Kajian	2022 - 1 Kajian 2023 - 2 Kajian 2024 - 1 Kajian	BRE
		Bilangan Kajian	1 Kajian	2023 - 2024	BRE
		Bilangan Kajian	1 Kajian	2022	BRE

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
	e. Kebolehfungsian Komponen Mekanikal & Elektrikal di 16 buah Empangan di bawah Kawal Seliaan JPS :				
	i. Kajian Komponen Mekanikal & Elektrikal.	Bilangan Kajian	16 Kajian	2023	BPME
	ii. Laporan Kajian Komponen Mekanikal & Elektrikal.	Bilangan Laporan	1 Laporan	2023	BPME
3.	Menyediakan Kajian Pengurusan Risiko Banjir :				
	a. Pelan Induk Tebatan Banjir.	Bilangan Pelan Induk Tebatan Banjir	10 Pelan Induk	2022 – 6 Projek 2023 – 4 Projek	BPB
	b. Pelan <i>Hazard</i> Banjir.	Bilangan Lembangan	8 Lembangan	2022 – 4 Lembangan 2023 – 4 Lembangan	BPB
	c. Peta Risiko Banjir.	Bilangan Peta <i>Hazard</i>	224 Peta <i>Hazard</i>	2023	
		Bilangan Lembangan	8 Lembangan	2022 – 4 Lembangan 2023 – 4 Lembangan	BPB
	d. <i>Updating of Flood Condition and Flood Damage Assessment in Malaysia.</i>	Bilangan Kajian	1 Kajian	2023	BPB
4.	Melaksanakan Program Pengukuhan Integriti dan Keselamatan Struktur Hidraulik :				
	a. Menyediakan Dokumen <i>Emergency Action Plan</i> (EAP) bagi Empangan Bekok, Johor.	Bilangan Pelan	1 Pelan EAP	2023	BRE

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
	b. Menambahbaik Kandungan Malaysia <i>Dam Safety Management Guidelines (MyDAMS)</i> .	Bilangan Garis Panduan	1 Garis Panduan	2022	BRE
5.	Menyemak Semula Manual Operasi dan Penyelenggaraan Empangan-empangan (Dams O&M Manual) :				
	a. Dokumen O&M sedia ada untuk 3 empangan JPS.	Bilangan Dokumen	3 Dokumen O&M	2021 - 2 Dokumen 2022 - 1 Dokumen	BRE
	b. Dokumen O&M Empangan Klang Gate.	Bilangan Dokumen	1 Dokumen O&M	2022	SMART
6.	Menyediakan Prosedur Mekanikal dan Elektrikal (MEP) untuk Sistem Rumah Pam, Pintu Air dan Sistem SCADA.	Bilangan Prosedur MEP	40 Prosedur	2022 - 14 Prosedur 2024 - 13 Prosedur 2025 - 13 Prosedur	BPME
7.	Menyediakan Kajian Prestasi Struktur Mekanikal & Elektrikal (M&E) JPS Malaysia :				
	a. Melaksanakan kajian prestasi M&E JPS Malaysia.	Bilangan Negeri	15 Negeri	2024	BPME
	b. Mewujudkan sistem pengkalan data.	Bilangan Sistem	1 Sistem	2024	BPME
	c. Kajian tenaga boleh diperbaharui.	Bilangan Kajian	1 Kajian	2025	BPME

Teras Strategik 1

Memperkukuhkan Jaminan Pengurusan Sumber Air untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara.

Strategi 3 : Meningkatkan Pemuliharaan Alam Sekitar dan Biodiversiti berasaskan *Building with Nature*.

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
1.	Penambahbaikan Manual Saliran Mesra Alam Edisi Kedua.	Bilangan Manual	1 Manual	2025	BSMA
2.	Penyediaan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA).	Bilangan Pelan Induk	15 Pelan Induk	2021 – 3 PISMA 2022 – 3 PISMA 2023 – 3 PISMA 2024 – 3 PISMA 2025 – 3 PISMA	BSMA
3.	Pelaksanaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) untuk Aktiviti Pertanian, Perlombongan dan Pengkuarian.	Pembentangan Kertas di Majlis Mineral Negara (MMN)	1 Kertas Pertimbangan	2022	BSMA
		Pembentangan Kertas Pertimbangan di Majlis Air Negara (MAN)	1 Kertas Pertimbangan	2024	BSMA
4.	Penggunaan PISMA sebagai Rujukan Pembangunan.	Pembentangan Kertas di Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)	1 Kertas Pertimbangan	2023	BSMA

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
5.	Memperkasa Pelaksanaan dan Pematuhan ESCP Melalui Pelaksanaan Program Ops Lumpur.	Bilangan Laporan	50 Laporan	2021 – 10 Laporan 2022 – 10 Laporan 2023 – 10 Laporan 2024 – 10 Laporan 2025 – 10 Laporan	BSMA
6.	Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) :				
	a. Menyediakan Buku Panduan DSK.	Bilangan Buku Panduan	1 Buku Panduan	2021	BPLS
	b. Menyediakan Playbook DSK.	Bilangan <i>Playbook</i>	1 <i>Playbook</i>	2021	BKOR
	c. Menyediakan Portal GIS DSK.	Bilangan Portal	1 Portal	2021	BPLS

Teras Strategik 1

Memperkuhkan Jaminan Pengurusan Sumber Air untuk Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara.

Strategi 4 : Memperkuhkan Pengurusan dan Pembangunan Zon Pantai dan Muara Sungai berasaskan *Bring Back the Beaches*.

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
1.	Menyediakan Pelan Induk				
	a. Pengurusan Garis Pantai Bersepadu (ISMP).	Bilangan Pelan	4 Pelan	2024 - 2 ISMP 2025 - 2 ISMP	BPZP
2.	Melaksanakan kajian :				
	a. Polisi Pantai Negara.	Bilangan Kajian	1 Kajian	2022	BPZP
	b. Hidrodinamik Arus dan Pasang Surut Negara.	Bilangan Kajian	1 Kajian	2023	BPZP
	c. Penentuan Had Dinamik Pasir Perairan Pantai	Bilangan Kajian	1 Kajian	2024	BPZP
	d. Sedimentasi Muara Sungai.	Bilangan Kajian	1 Kajian	2025	BPZP

STRATEGI 2

TERAS

Memperkasakan Perkhidmatan
Kejuruteraan dalam Pengurangan
Risiko Bencana berkaitan Air.

TERAS STRATEGIK 2

Memperkasakan Perkhidmatan Kejuruteraan dalam Pengurangan Risiko Bencana berkaitan Air.

Teras ini memfokuskan pembangunan fizikal projek yang berdaya tahan bagi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. Usaha pembangunan sebelum ini acap kali telah mengabaikan alam sekitar bagi meraih kemajuan ekonomi. Oleh kerana biodiversiti menyumbang kepada ekonomi negara secara langsung dan tidak langsung, alam semulajadi perlulah dipelihara sebaiknya dalam pelaksanaan projek pembangunan yang akan datang. Pengetahuan alam sekitar yang lebih mendalam akan memandu ke arah penyelesaian kejuruteraan yang bukan hanya mengurangkan kesan bencana, namun turut meningkatkan keupayaan proses pemulihan. Oleh itu, strategi mampan pembinaan yang mesra alam perlu untuk projek pembangunan infrastruktur sumber air. Pengekalan ciri alam semulajadi akan dicapai dengan kaedah pembinaan dan penggunaan bahan yang mesra alam. Pendekatan teras ini adalah selari dengan konsep *Building With Nature* dan *Creating for Resilience*.

1

Melalui strategi pertama, Memperkukuhkan Perkhidmatan Kejuruteraan dalam Bidang berkaitan Bencana Air yang mana memfokuskan kepada pembangunan projek tebatan banjir bagi mengurangkan risiko banjir, melindungi nyawa dan harta benda masyarakat. Selain itu, pembangunan fizikal yang digariskan di bawah strategi ini juga adalah melibatkan perlindungan kawasan pantai rentan dan penerobosan air masin. Seterusnya, semua projek pembangunan infrastruktur di bawah strategi ini perlu mampan dan mengambilkira aspek alam sekitar yang berdaya tahan dan daya responsif kepada ancaman semula jadi dan buatan manusia serta memupuk pengurangan dan penyesuaian kepada perubahan iklim.

Strategi kedua iaitu Memperkukuhkan Perkhidmatan dalam Pengurusan Kelestarian Air dan Alam Sekitar yang menekankan pembinaan yang juga bersifat mesra alam untuk projek pembangunan infrastruktur sumber air. Pengekalan ciri alam semula jadi akan dicapai dengan kaedah pembinaan dan penggunaan bahan yang berteknologi hijau/mesra alam. Melalui penerapan strategi ini, projek-projek berkaitan sumber air akan dipacu ke arah pembinaan infrastruktur yang bersinergi dengan saliran air semulajadi. Dengan cara ini, projek-projek kita bukan sahaja dapat mengelakkan masalah, menghalang potensi tanah dan sumber semulajadi, malah bencana berkaitan air dapat dikurangkan dan pada masa yang sama, memperoleh manfaat daripada kekayaan sumber biologi semulajadi.

2

3

Berdasarkan strategi ketiga, iaitu Memperkukuhkan Pengurusan dan Keselamatan Infrastruktur Air dan Empangan ialah untuk memastikan integriti struktur dan keselamatan empangan dan mengoptimumkan fungsi empangan. Program-program yang dirangka dalam pelan strategik ini mengkhususkan untuk kesemua empangan JPS dan infrastruktur air dibangunkan atau dinaiktaraf bagi memastikan keselamatan integriti strukturnya terjamin dan dioptimumkan fungsinya. JPS juga menyokong usaha-usaha untuk menaiktaraf kapasiti sedia ada atau mengembalikan kapasiti asal empangan jika telah terjejas dengan aktiviti persekitaran kawasan tadahan air.

Strategi keempat, iaitu Mempertingkatkan Ketepatan Maklumat bagi Kelestarian Pembangunan Infrastruktur dan Alam Sekitar menjurus kepada menambahbaik pengurusan data dan aset sumber air negara dan dijadikan sebagai pusat rujukan yang bersepadu melalui penubuhan Pusat Maklumat Sumber Air Negara. Ini akan diperkukuhkan lagi dengan penghasilan dan pengemaskinian garis panduan berkaitan pengurusan dan pelaksanaan maklumat sumber air negara. Bagi maklumat sumber air yang berkaitan dengan pengurusan bencana, JPS telah membuat perancangan untuk meningkatkan sistem ramalan dan amaran banjir serta pengurusan kemarau di seluruh negara bagi memastikan hebahan maklumat amaran awal banjir dan pengurusan kemarau dapat disampaikan kepada masyarakat melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan bencana. Amaran awal banjir akan digunakan untuk menyelaraskan keperluan penempatan aset-aset menyelamatkan serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk pemindahan dan penempatan mangsa banjir. Justeru, jumlah mangsa banjir dan kerosakan dapat dikurangkan terutamanya apabila kejadian banjir yang ekstrem berlaku. Pengurusan kemarau pula dapat membantu agensi-agensi pengurusan bekalan air negeri dalam menentukan keperluan bekalan air semasa musim kering yang berpanjangan. Maklumat-maklumat ini diselaraskan dan diintegrasikan dalam Portal Infobanjir dan Infokemarau JPS.

4

Teras Strategik 2

Memperkasakan Perkhidmatan Kejuruteraan dalam Pengurangan Risiko Bencana berkaitan Air.

Strategi 1 : Memperkukuhkan Perkhidmatan Kejuruteraan dalam Bidang berkaitan Bencana Air.

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
1.	Pembangunan Fizikal Pengurusan Risiko Banjir berasaskan Konsep <i>Creating for Resilience</i>.	Peningkatan Bilangan Orang yang Dilindungi (Bermula RMKe-10)	2.5 Juta Orang (Jumlah Orang yang Dilindungi sehingga Tahun 2020 adalah 1,623,906)	Sehingga 2021 – 1,648,000 Orang Sehingga 2022 – 2,023,000 Orang Sehingga 2023 – 2,126,000 Orang Sehingga 2024 – 2,146,000 Orang Sehingga 2025 – 2,526,000 Orang	BPB
2.	Kesiapsiagaan Infrastruktur Hidromekanikal Sumber Air dan Aset untuk Persediaan Menghadapi Banjir :				
	a. Menaiktaraf Infrastruktur.	Bilangan Projek	50 Projek	2022 – 10 Projek 2023 – 15 Projek 2024 – 15 Projek 2025 – 10 Projek	BPME
	b. Membina Infrastruktur Baharu.	Bilangan Projek	5 Projek	2023 – 2 Projek 2025 – 3 Projek	BPME

Teras Strategik 2

Memperkasakan Perkhidmatan Kejuruteraan dalam Pengurangan Risiko Bencana berkaitan Air.

Strategi 2 : Memperkukuhkan Perkhidmatan dalam Pengurusan Kelestarian Air dan Alam Sekitar

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
1.	Program Pembangunan Projek Saliran Mesra Alam :				
	a. Melaksanakan Pembangunan Fizikal	Luas Kawasan yang Dilindungi Banjir	1,000 Hektar	2022 – 100 Hektar 2023 – 200 Hektar 2024 – 400 Hektar 2025 – 300 Hektar	BSMA
	b. Melaksanakan Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Kolum	Bilangan Kolum	1,000 Kolum	2021 – 200 Kolum 2022 – 200 Kolum 2023 – 200 Kolum 2024 – 200 Kolum 2025 – 200 Kolum	BSMA
2.	Melaksanakan Pengukuhan Kestabilan Tebing, Pemuliharaan dan Pengindahan Sungai.	Panjang Sungai yang Dipelihara dan Dipulihara	2,500 km	2021 – 500 km 2022 – 500 km 2023 – 500 km 2024 – 500 km 2025 – 500 km	BPLS
3.	Melaksanakan Program Rehabilitasi Hakisan Pantai.	Perlindungan Kawasan Pantai Rentan	30 km Pesisiran Pantai	2023 – 15 km 2025 – 15 km	BPZP

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
4.	Melaksanakan Program Pemuliharaan Muara-muara Sungai yang Mengalami Masalah Sedimentasi.	Bilangan Muara yang Dipulihara	50 Muara Sungai	2021 - 10 Muara 2023 - 20 Muara 2025 - 20 Muara	BPZP
5.	Pembinaan Denai Sungai Kebangsaan (DSK).	Panjang Pembinaan Denai Sungai	5,000 km	2021 - 250 km 2022 - 250 km 2023 - 500 km 2024 - 2,000 km 2025 - 2,000 km	BPLS
6.	Melaksanakan Program Mengatasi Masalah Fenomena Air Pasang Besar.	Perlindungan Jajaran Pantai dari Banjir Akibat Air Pasang Besar	50 km	2022 - 10 km 2025 - 40 km	BPZP
7.	Memperkuhkan Semula Pengurusan Sumber Air Bumi :				
	a. Mewujudkan Pasukan Pemeriksaan Lengkap dengan Peralatan.	Bilangan Pasukan	1 Pasukan	2021	BPME
	b. Menyelenggara Telaga Sedia Ada.	Bilangan Telaga	600 Telaga	2022 - 200 Telaga 2023 - 200 Telaga 2024 - 200 Telaga	BPME
8.	Melaksanakan Projek Perintis Penggunaan Kolam Takungan Banjir sebagai Sumber Air Alternatif.	Bilangan Projek	1 Projek	2025	BPB

Teras Strategik 2

Memperkasakan Perkhidmatan Kejuruteraan dalam Pengurangan Risiko Bencana berkaitan Air.

Strategi 3 : Memperkukuhkan Pengurusan dan Keselamatan Infrastruktur Air dan Empangan.

BIL.	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG -JAWAB
1.	Projek Pemodenan Pengurusan Empangan Batu yang Menjadi Aras Piawai (<i>Benchmarking</i>) bagi Pengurusan Empangan di Malaysia berdasarkan Garispanduan <i>MyDAMS</i> secara Holistik.	<i>Centre of Excellent</i> Empangan Batu	1 Projek	2025	BRE
2.	Mempertingkatkan Kesiapsiagaan Infrastruktur Empangan Air : a. Melaksanakan Pengawasan Integriti Empangan bagi Mencapai Indeks MOMS 80% dan ke atas. (<i>MOMS = Management, Operation, Maintenance, Surveillance</i>) b. Projek Meningkatkan Kapasiti Empangan untuk Kawalan Banjir dan Bekalan Air.	Bilangan Empangan Bilangan Projek	15 Empangan Mencapai 80% MOMS 4 Projek	2021 – 50% 2022 – 60% 2023 – 70% 2024 – 75% 2025 – 80% 2021 – 1 Projek 2023 – 1 Projek 2024 – 1 Projek 2025 – 1 Projek	BPME BRE
